



ISN

**WHERE
SPORT
MEETS
SCIENCE**

LAPORAN TAHUNAN 2019

ISN



ISI KANDUNGAN



Pengenalan

PERUTUSAN MENTERI	2
PERUTUSAN Pengerusi	4
PERUTUSAN KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF	6
RANGKUMAN 2019	8
MAKLUMAT KORPORAT ISN	14
AHLI LEMBAGA ISN	18
PENGURUSAN EKSEKUTIF	20

PRESTASI SUKAN	22
-----------------------	-----------

PERUBATAN SUKAN	44
------------------------	-----------

PENYELIDIKAN DAN INOVASI	50
---------------------------------	-----------

AKADEMI KEJURULATIHAN KEBANGSAAN	60
---	-----------

PENGGOMERSIALAN	66
------------------------	-----------

PEMANTAPAN ORGANISASI	70
------------------------------	-----------

PENYATA KEWANGAN	76
-------------------------	-----------

RAKAN STRATEGIK	104
------------------------	------------

“**S**aya berharap setiap warga ISN akan terus cekal mendepani cabaran, sentiasa fleksibel dalam menangani perubahan dan mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran.

DATO' SRI REEZAL MERICAN NAINA MERICAN
Menteri Belia dan Sukan Malaysia



PERUTUSAN MENTERI BELIA DAN SUKAN MALAYSIA



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan izin-Nya, Institut Sukan Negara (ISN) terus menelusuri tahun 2019 dengan cemerlang. Penerbitan Laporan Tahunan 2019 ini merupakan satu usaha yang sangat baik kerana ia merupakan dokumentasi maklumat dan sumber rujukan yang sangat penting ke arah nilai tambah kepada kualiti perkhidmatan sains, perubatan dan teknologi sukan negara.

Ekosistem sukan kini adalah dinamik dan berubah dengan pantas di mana bidang sains, perubatan dan teknologi sukan memainkan peranan yang semakin penting dengan pendekatan yang holistik. Bagi tahun 2019, saya telah melihat perancangan lebih teliti telah dibuat dengan beraspirasikan kepakaran yang sedia ada. Setiap intervensi yang dilaksanakan adalah berasaskan kepada kompetensi kerja secara penggabungan faktor nilai, pengetahuan dan kemahiran kepada atlet dan jurulatih.

Justeru, salah satu usaha inovatif ISN adalah menubuhkan Pusat Perubatan Sukan Negara (PPSN) di mana keutamaan perkhidmatan perubatan sukan secara komprehensif bukan sahaja diberikan kepada atlet-atlet negara malah peluang dan ruang perkhidmatan tersebut turut dibuka kepada umum. Dengan *tagline* 'Athlete's Performance Care. For You' serta kemudahan yang terkini dan canggih, ia menjadi pelengkap kepada penglibatan ISN dalam memberi perkhidmatan terbaik kepada atlet-atlet elit dan juga amatir.

Pada waktu yang sama, temasya Sukan SEA ke-30 Filipina yang berlangsung dari 30 November hingga 11 Disember 2019 telah meninggalkan seribu memori kepada kita. Kontinjen Malaysia diwakili seramai 773 atlet dan 339 pegawai menyertai 52 daripada 56 acara di tiga kluster, iaitu Manila, Clark dan Subic. Malaysia menamatkan kempen Sukan SEA 2019 dengan kutipan 55 emas, 58 perak dan 71 gangsa untuk berada di tangga kelima keseluruhan.

Mutakhir ini, kita mengharapkan lebih ramai atlet negara akan berusaha untuk melayakkan diri ke Sukan Olimpik Tokyo 2020 di mana penyertaan yang lebih ramai pada temasya terbesar dunia itu akan dapat meningkatkan kebarangkalian untuk meraih pingat, terutamanya ketika Malaysia masih ternanti-nanti pingat emas pertama negara.

Dengan itu, saya berharap setiap warga ISN akan terus cekal mendepani cabaran, sentiasa fleksibel dalam menangani perubahan dan mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam memastikan atlet negara berada dalam keadaan terbaik di mana khidmat ISN sentiasa menjadi tunjang kepada aspirasi sukan negara.

Sekian, wassalam.

DATO' SRI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN

“ **B**agi meneruskan kesinambungan kejayaan atlet-atlet kita di pentas antarabangsa, saya berharap agar momentum dapat kita kekalkan dalam mempersiapkan atlet bagi mendapat perkhidmatan yang terbaik dari ISN.

PROF. DATO' DR. RAHMAT BIN MOHAMAD
Pengerusi



PERUTUSAN PENGERUSI

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Syukur kita ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan dan Rahmat-Nya jua, Laporan Tahunan ini berjaya dihasilkan. Penerbitan naskhah tahunan ini merupakan satu khazanah ilmu yang merakamkan perjalanan program dan aktiviti Institut Sukan Negara (ISN) sepanjang tahun 2019.

Merentasi tempoh 12 bulan yang lalu, ISN telah melalui pelbagai perubahan serta pengalaman yang telah membawa kita kepada tahap yang lebih matang dalam menghadapi pelbagai aspek yang penuh dengan kompleksiti ini. Kanvas kejayaan yang menjadi titik tolak kecemerlangan bukanlah sesuatu yang mudah untuk diterjemahkan tanpa komitmen dan penggembleran tenaga warga kerja ISN.

Tanpa tenaga pakar anda semua, ISN tidak akan melangkah maju ke hadapan pada masa ini. Tidak lupa juga ucapan terima kasih saya kepada sahabat, para atlet, para jurulatih dan pegawai-pegawai sukan yang memberi sepenuh kepercayaan kepada ISN untuk memberi khidmat sains, perubatan dan teknologi sukan kepada anda semua. Segala sumbangan, buah fikiran, pandangan dan nasihat anda semua amat saya hargai.

Berakhirnya Temasya Sukan SEA ke-30 Filipina Disember lalu tidak bermakna perjuangan atlet-atlet negara turut berakhir. Sukan Olimpik Tokyo 2020 pula akan menggamit kontinjen negara untuk beraksi yang akan membuka tirai saingan bermula pada 23 Julai hingga 8 Ogos 2021.

Bagi meneruskan kesinambungan kejayaan atlet-atlet kita di pentas antarabangsa, saya berharap agar momentum dapat kita kekalkan dalam mempersiapkan atlet bagi mendapat perkhidmatan yang terbaik dari ISN.

Kalendar sukan negara 2019 turut mencuri tumpuan kejayaan atlet-atlet Malaysia yang berjaya menempatkan diri ke Sukan Olimpik Tokyo 2020 antaranya Farah Ann Abdul Hadi yang menjadi atlet terbaharu untuk layak ke Tokyo 2020 bagi acara *all-around* individu, selepas meraih tempat ke-16 daripada 20 peserta pada sesi kelayakan Kejohanan Gimnastik Dunia 2019 di Stuttgart, Jerman.

Antara atlet-atlet lain yang telah layak ke Tokyo ialah pelayar, Khairulnizam Mohd Afendy bagi acara laser lelaki; Nur Shazrin Mohd Latif (laser radial wanita); pemanah, Khairul Anuar Mohamad (recurve lelaki) serta penerjun Nur Dhabitah Sabri, Wendy Ng Yan Yee (3m papan anjal wanita) dan Pandelega Rinong bagi acara 10m platform wanita dan 10m platform seirama wanita bersama Leong Mun Yee. Saya berharap dari semasa ke semasa lebih ramai lagi atlet yang akan layak agar kita akan ada kontinjen yang agak besar dan peluang untuk meraih pingat adalah tinggi.

Akhir kalam, adalah menjadi impian saya untuk melihat ISN terus maju sederap ke hadapan yang bukan sahaja menjadi gapura kecemerlangan sukan malahan menjadi institusi yang memberi konsultasi terbaik dalam sains, perubatan dan teknologi sukan. Teruskan beristiqamah dalam memperkasa penyampaian perkhidmatan dan menambahbaik kemahiran diri agar dapat mendaki puncak kejayaan serta mengangkasa menerusi pengiktirafan yang diterima. Semoga trajektori perjalanan ISN dalam menuju era 2020 akan terus gemilang ke puncak kejayaan!

Sekian, wassalam

PROFESOR DATO' DR. RAHMAT BIN MOHAMAD

“**P**encapaian-pencapaian yang membanggakan perlulah dikekalkan, manakala punca-punca kelemahan yang terdapat dalam pelaksanaan aktiviti perlulah diperbaiki dari semasa ke semasa.

AHMAD FAEDZAL BIN MD RAMLI
Ketua Pegawai Eksekutif



PERUTUSAN

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera

Bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya jua, kita telah sama-sama dapat menempuh cabaran sepanjang tahun 2019 dengan jayanya. Di kesempatan ini saya mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada seluruh warga kerja Institut Sukan Negara atas segala sokongan, kepercayaan dan komitmen yang diberikan kepada saya semenjak saya mula menerajui ISN pada 25 Februari 2019. Sesungguhnya agenda transformasi ISN memerlukan TeamISN yang kreatif, inovatif dan mampu memberi impak kepada ekosistem sukan yang dinamik dan semakin mencabar.


Saya yakin dengan data dan fakta yang didokumentasikan ini dapat dijadikan sebagai penanda aras kepada pencapaian ISN setiap tahun. Pencapaian-pencapaian yang membanggakan perlulah dikekalkan, manakala punca-punca kelemahan yang terdapat dalam pelaksanaan aktiviti perlulah diperbaiki dari semasa ke semasa.

Laporan Tahunan ini juga sangat berguna bukan sahaja kepada pemegang taruh, tetapi ia juga boleh menjadi bahan rujukan dan panduan kepada pihak-pihak yang ingin mendapatkan maklumat mengenai ISN. Satu usaha yang wajar dipuji, kerana segala pencapaian ISN melalui program dan aktiviti direkodkan secara sistematik untuk rujukan pada masa hadapan, serta meningkatkan 'visibility' ISN di mata masyarakat Malaysia.

Akhir kata, saya amat berharap sinergi serta prestasi cemerlang ini bukan sahaja dapat dikekalkan malah dipertingkatkan lagi pada tahun-tahun akan datang. Tahniah dan syabas atas sumbangan dan inisiatif semua pihak dalam menerbitkan Laporan Tahunan ISN 2019.

Sekian, terima kasih.

AHMAD FAEDZAL BIN MD RAMLI



RANGKUMAN 2019

Sepanjang tahun 2019 menyaksikan pelbagai peristiwa penting telah dipahat oleh Institut Sukan Negara dari awal tahun sehingga penghujung tahun.

Antara perkara penting yang berlaku melibatkan ISN pada 2019 ialah pelantikan Encik Ahmad Faedzal Md Ramli sebagai sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Institut Sukan Negara Ke-5 pada 25 Februari.

Pelancaran Pusat Perubatan Sukan Negara (PPSN) pada 3 Julai juga antara sejarah penting dilakar oleh ISN bagi tahun 2019.

Berikut rangkuman ISN sepanjang tahun 2019:



1 MAC



18 FEBRUARI



4 MAC



1 JANUARI

**PODIUM
MALAYSIA**



25 FEBRUARI



6 MAC

JANUARI

FEBRUARI

MAC

1 JANUARI

- Program Podium melalui proses penstrukturan semula secara holistik dikendalikan oleh Majlis Sukan Negara (MSN).
- Tugas Institut Sukan Negara (ISN) adalah bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan sains dan perubatan sukan kepada atlet dalam program berkenaan.
- Proses penstrukturan dibuat berdasarkan empat temasya utama iaitu Sukan Olimpik/Paralimpik, Sukan Asia/Para Asia, Sukan Komanwel dan Sukan SEA/Para ASEAN menerusi sistem 'Tiering'.

18 FEBRUARI

- Kerjasama strategik ISN dan Litar Antarabangsa Sepang (SIC).
- ISN menyediakan perkhidmatan sains dan perubatan sukan kepada pasukan PETRONAS Sepang Racing Team dalam MotoGP dan program pembangunan bakat SIC.
- Kerjasama antara dua badan ini merupakan yang pertama dalam arena permotoran negara yang melibatkan perkhidmatan sains dan perubatan sukan.

25 FEBRUARI

- Encik Ahmad Faedzal Md Ramli dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) ISN yang Ke-5.
- Beliau dilantik bagi menggantikan bekas CEO terdahulu, Dr. Mohd Khairi Zawi.
- Pemilihan Encik Ahmad Faedzal berdasarkan pengalaman luas dalam bidang pengurusan sukan termasuk menguruskan bajet pembangunan sukan dan perancangan pelan serta polisi sukan negara.

1 MAC

- Lawatan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, YB Steven Sim ke ISN untuk meninjau perkhidmatan dan fasiliti.
- Fasiliti yang dimiliki ISN adalah yang terbaik begitu juga perkhidmatan kepada atlet.

4 MAC

- Mesyuarat perancangan strategik kolaborasi penyelidikan ISN dan UiTM.
- Tujuan utama adalah untuk menjalin kerjasama penyelidikan dalam bidang sains, perubatan dan teknologi sukan.

6 MAC

- Lawatan industri Majlis Sukan Negeri Kedah ke ISN bagi meninjau perkhidmatan dan fasiliti ISN.
- Delegasi Majlis Sukan Negeri Kedah juga diberikan peluang mencuba fasiliti yang ada di ISN.



16 APRIL




25 APRIL



2 MEI



1 JUN



**POLISI
PENJANAAN PENDAPATAN
INSTITUT SUKAN NEGARA 2019
30 APRIL**



3 MEI



20 JUN

APRIL

MEI

JUN

16 APRIL 2019

- Bagi menzahirkan komitmen dan sokongan ISN terhadap usaha kerajaan dalam memerangi rasuah dan salah guna kuasa, ISN telah mengambil langkah proaktif dengan melafaz dan menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) pada 16 April 2019 bertempat di Dewan Perdana, ISN. Upacara lafaz ikrar telah diketuai oleh Encik Ahmad Faedzal bin Md. Ramli, Ketua Pegawai Eksekutif ISN.

25 APRIL

- CEO ISN, Encik Ahmad Faedzal Md Ramli dilantik sebagai Timbalan CDM ke Sukan SEA Filipina 2019.
- Keputusan itu diumumkan Presiden Majlis Olimpik Malaysia (MOM) Dato' Seri Mohamad Norza Zakaria selepas mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan MOM.

30 APRIL

- Kelulusan Polisi Penjana Pendapatan Institut Sukan Negara 2019.

2 MEI

- *Seminar & Workshop on Ramadan Fasting and Sports Performance.*
- Penceramah utama bagi bengkel berkenaan ialah Dr. Abdul Rashid Aziz.

3 MEI

- Lawatan perbincangan kerjasama ISN-UniKL.
- UniKL diketuai oleh Prof. Dr. Shahrulniza Musa, Timbalan Presiden (Akademik & Teknologi), manakala ISN diketuai oleh Ahmad Faedzal Md. Ramli, Ketua Pegawai Eksekutif ISN.

1 JUN

- SJC Solex Corporation (M) Sdn Bhd. (LPM Support Malaysia) diiktiraf sebagai Rakan Perniagaan Team MAS.

20 JUN

- REGEN Rehabilitation International Sdn. Bhd dilantik sebagai Rakan Strategik PPSN.



3 JULAI



21 JULAI



19 JULAI



22 JULAI



14 OGOS

JULAI

OGOS

3 JULAI

- Pelancaran Pusat Perubatan Sukan Negara (PPSN) sebagai sayap berbayar Bahagian Perubatan Sukan ISN.
- PPSN telah mendapat kelulusan berlesen daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) untuk menyediakan dan mengendalikan Pusat Jagaan Ambulatori Swasta.

19 JULAI

- Lawatan Menteri Belia dan Sukan, YB Syed Saddiq meninjau perkhidmatan dan fasiliti yang disediakan Pusat Perubatan Sukan Negara (PPSN), ISN di Bukit Jalil.
- Turut hadir sama dalam lawatan kerja ini ialah Pengerusi Lembaga ISN, Professor Dato' Dr. Rahmat Mohamad.
- Keistimewaan yang ditawarkan oleh PPSN untuk menarik orang awam, antaranya adalah pengalaman 25 tahun pakar-pakar di ISN dalam mengendalikan atlet negara bertaraf dunia yang mendapatkan khidmat di ISN.

21 JULAI

- Penyertaan Team ISN dalam Sukan Badan Berkanun 2019 (SUKANUN).
- Sebanyak 63 agensi kerajaan yang menganggotai Persatuan Badan Berkanun Malaysia bertanding dalam 23 acara sukan berkenaan.
- Sukanun 2019 melibatkan penyertaan 5,357 atlet dan pegawai, 300 sukarelawan dan 400 pegawai teknikal.

22 JULAI

- Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) antara ISN dan UiTM.
- Majlis menandatangani memorandum persefahaman (MOU) antara Universiti Teknologi MARA dan Institut Sukan Negara yang diwakili masing-masing oleh Naib Canselor UiTM dan Ketua Pegawai Eksekutif ISN.

14 OGOS

- MediScreen Sdn. Bhd. dilantik sebagai Rakan Strategik PPSN.



SEPTEMBER

OKTOBER

18 SEPTEMBER

- Akreditasi dan pengiktirafan PPSN sebagai AFC Medical Centre of Excellence.
- PPSN akan menjadi pusat rujukan utama perubatan sukan dan penyelidikan kepada pasukan serta ahli gabungan.
- PPSN menjadi pusat perubatan sukan yang kedua di Malaysia selepas Kuala Lumpur Sports Medicine Centre (KLSMC).

30 SEPTEMBER

- Penyertaan TeamISN di MOHE Conference 2019, Sarawak.
- Persidangan yang bertemakan Pergerakan, Kesihatan, Latihan & Persidangan Sains Sukan Antarabangsa bagi Meningkatkan Prestasi Kesihatan serta Reka Bentuk Sukan.

- Pemenang mewakili ISN:
Philip Lew Chun Foong - *Outstanding oral presentation award*

Yallini Selva - *Outstanding Oral Presentation Award (Sports Science Category)*

Dr. Viswanath Sundar - *Outstanding Oral Presentation Award (Sport Medical Category)*

Jad Adrian Washif - Best Poster Award

3 OKTOBER

- Perasmian kerjasama antara ISN dan LPM Support Malaysia.
- Kerjasama ini adalah untuk menjalinkan satu hubungan yang baik supaya mutu kesihatan para atlet dapat dikekalkan dalam masa sama memupuk kesedaran mengenai penggunaan bahan yang berkualiti selain sentiasa menjamin kesihatan perubatan bersih dan sihat dalam kalangan atlet serta warga sukan.


- Majlis juga membuktikan keyakinan industri perubatan sukan ke arah mengeluarkan bahan buatan tempatan yang berkualiti dan bermutu tinggi.

18 OKTOBER

- Team ISN menerusi 'Team Sports City' menyertai Karnival Sukan KBS 2019.
- Team Sports City cemerlang apabila merangkul gelaran juara keseluruhan.

24 OKTOBER

- Bengkel Industri Sukan Malaysia dianjurkan oleh ISN.
- Bengkel ini bagi penyediaan Pelan Rancangan Malaysia Ke-12 (2021-2025).



NOVEMBER **DISEMBER**

5 NOVEMBER

- Penyertaan ISN dalam Kongres Persatuan Institut Sukan Asia (ASIA) Ke-4.
- Dalam kongres berkenaan pelbagai teknologi dan kepakaran sains sukan dipamerkan yang berlangsung di Qatar.
- Ia juga menjadi medan perkembangan idea dalam kalangan institut sukan di Asia.

12 NOVEMBER

- Pengenalan dan perasmian pakaian rasmi Team MAS.
- Universal Fitness and Leisure Sdn. Bhd (UFL-FBT) diiktiraf sebagai Rakan Perniagaan Team MAS.

13 NOVEMBER

- Lawatan rasmi oleh Pengarah Pengurusan Yakult Malaysia dan delegasi Cerezo Osaka ke ISN.
- Kunjungan berkenaan adalah penghargaan ISN kepada Yakult Malaysia yang menerima anugerah Platinum dalam majlis Putra Brands Awards 2019.

- Wakil Yakult Malaysia dan kelab Cerezo Osaka dibawa melawat beberapa fasiliti yang terdapat di ISN seperti makmal pemulihan dan makmal biomekanik, *Juice Bar* dan *Jungle Gym*.
- ISN dan Yakult Malaysia telah menjalin kerjasama selama tiga tahun bermula Ogos 2017 sehingga Ogos 2020 yang menyaksikan Yakult Malaysia menjadi minuman probiotik rasmi ISN dan minuman probiotik pilihan atlet negara untuk tempoh berkenaan.

25 NOVEMBER

- Selcare Management Sdn. Bhd. diiktiraf sebagai Rakan Strategik PPSN.

30 NOVEMBER

- Seramai 52 orang pegawai dan anggota memberikan perkhidmatan Sains Sukan dan Perubatan Sukan kepada Kontinjen Malaysia di temasya Sukan SEA 2019, Filipina.
- Komitmen yang diberikan warga ISN kepada kontinjen negara telah membantu Malaysia membawa pulang 55 pingat emas, 58 perak dan 71 gangsa.

1 DISEMBER

- Data Sukan Consulting Sdn. Bhd. dilantik sebagai Rakan Perniagaan Team MAS.

1 DISEMBER

- ATF Sport Tape Sdn. Bhd. diiktiraf sebagai Rakan Strategik ISN.
- Jenama peneraju *sport tape* nombor 1 Malaysia yang memilih meneruskan kerjasama erat bersama ISN.
- ATF Sport Tape bukanlah entiti asing dalam sukan berikutan telah menyediakan *sport tape* dan alatan fisio lain.

15 DISEMBER

- Penyertaan ISN sebagai pasukan jemputan di Festival Sukan Majlis Sukan Negeri-Negeri Se-Malaysia (FESMAS XV) 2019.
- Pasukan ISN berjaya membawa pulang dua pingat perak dan dua gangsa.

MAKLUMAT KORPORAT ISN

VISI

MEMIMPIN KECEMERLANGAN DALAM SAINS,
PERUBATAN DAN TEKNOLOGI SUKAN

MISI


UNTUK MEMACU EKOSISTEM PRESTASI SUKAN
BERSEPADU BERTARAF DUNIA KE ARAH
KECEMERLANGAN SUKAN YANG MAMPAN

MOTTO

“BEYOND PERFORMANCE”



ORGANISASI



FUNGSI



Untuk menasihati Menteri dalam apa jua perkara berkenaan aspek saintifik melibatkan prestasi atlet



Untuk menyediakan dan menjalankan pemeriksaan rawatan perubatan yang diperlukan untuk ahli sukan



Untuk merumuskan, mengesyorkan dan mengkaji kaedah dan langkah saintifik yang meningkatkan prestasi atlet



Menjadi pusat maklumat, sumber dan rujukan untuk sains sukan dan perubatan sukan



Untuk bekerjasama dengan entiti Kerajaan, institusi pendidikan tinggi awam atau swasta, badan sukan atau mana-mana organisasi dalam program untuk mengenal pasti atlet yang berpotensi mencapai kecemerlangan dalam sukan



Mengumpul, mengurus dan menyebarkan maklumat dan menyimpan rekod semua perkara yang berkaitan dengan aspek saintifik prestasi atlet



Untuk menyediakan perkhidmatan saintifik, perundingan dan perkhidmatan yang berkaitan sains sukan dan perubatan sukan



Melaksanakan dan menyelaras aktiviti penyelidikan, pembangunan dan inovasi dalam bidang sains sukan, perubatan sukan dan bidang berkaitan lain yang difikirkan perlu



Untuk mewujudkan dan mengekalkan hubungan dan kerjasama dengan sesiapa, badan atau organisasi yang terlibat dalam pembangunan sains sukan dan perubatan sukan, di dalam dan di luar Malaysia



Untuk melaksanakan perkara yang mungkin berkesan bagi membolehkan fungsi terlaksana atau yang bersampan dengan prestasi fungsinya

PELANGGAN DAN PEMEGANG TARUH

KEMENTERIAN BELIA DAN SUKAN MALAYSIA

MAJLIS OLIMPIK MALAYSIA / MAJLIS PARALIMPIK MALAYSIA

MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA

ATLET / JURULATIH / PEGAWAI

PERSATUAN SUKAN KEBANGSAAN

MAJLIS SUKAN NEGERI / PERSATUAN SUKAN NEGERI

INSTITUT / AGENSI SUKAN ANTARABANGSA

INSTITUT PENDIDIKAN TINGGI AWAM / SWASTA

SYARIKAT BERKAITAN KERAJAAN / SEKTOR KORPORAT

ORGANISASI SUKAN YANG TIDAK BERASASKAN KEUNTUNGAN

AGENSI PUSAT DAN KERAJAAN



AHLI LEMBAGA ISN 2019 - 2021



PENGERUSI

**YBHG. PROF. DATO'
DR. RAHMAT BIN
MOHAMAD**

Timbalan Naib Canselor
Jaringan Industri,
Komuniti, Alumni &
Keusahawanan
Universiti Teknologi
MARA



**YBHG. DATUK
M NOOR AZMAN
BIN TAIB**

Timbalan Ketua
Setiausaha (Pengurusan)
Kementerian Belia dan
Sukan Malaysia



**YBRS. ENCIK AHMAD
FAEDZAL
BIN MD RAMLI**

Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Sukan Negara
Malaysia



**YBHG. DATO' HJ.
AHMAD SHAPAWI
BIN ISMAIL**

Ketua Pengarah
Majlis Sukan Negara



**YBHG. TAN SRI
DATO' SERI
MOHAMAD NOOR
BIN ABDUL RAHIM**

Naib Presiden
Majlis Olimpik Malaysia



**YBHG. PROF. DATO'
DR. SHAMALA A/P
K. SUBRAMANIAM**

Pengarah
Akademi Sukan
Universiti Putra Malaysia



**YBRS. ENCIK HAIRUL
BIN ABDUL HAMID**

Ketua Seksyen
Koordinasi Khas,
Bahagian Strategi
Korporat dan
Komunikasi,
Kementerian Kewangan
Malaysia




**YBHG. DATUK DR.
HJ. ROHAIZAT
BIN HJ. YON**

Timbalan Ketua
Pengaruh Kesihatan
(Perubatan),
Kementerian Kesihatan
Malaysia



**YBRS. ENCIK ZAINAL
BIN ABAS**

Pengaruh
Bahagian Sukan,
Kokurikulum dan
Kesenian,
Kementerian Pendidikan
Malaysia



**Kementerian
Pengajian Tinggi
(Kosong)**



**YBRS. DR.
KOK LIAN YEE**

Pensyarah Kanan
Jab. Pengajian Sukan
Fakulti Pengajian
Pendidikan,
Universiti Putra Malaysia



**YBRS. TUAN
HJ. ALI HASSAN
BIN MOHD HASSAN**

Pengerusi
Al-Ikhsan Sports
Sdn. Bhd.



**YBRS. ENCIK
AMIRUDDIN
BIN ABDUL SHUKOR**

Pengaruh Eksekutif
Kewangan & Korporat,
Malaysian Global
Innovation & Creativity
Centre (MaGIC)



**YBHG. PROF. IR. DR.
JAMALUDDIN BIN
MAHMUD**

Pensyarah
Fakulti Kejuruteraan
Mekanikal
Universiti Teknologi
MARA



PENGURUSAN EKSEKUTIF ISN



**ENCIK AHMAD FAEDZAL
BIN MD. RAMLI**

Ketua Pegawai Eksekutif



**ENCIK
AHMAD ZAWAWI
BIN ZAKARIA**

Timbalan
Ketua Pegawai Eksekutif



**ENCIK
AZWARI
BIN AHMAD**

Prestasi Sukan



**DR.
KAMARUL HASHIMY
BIN HUSSEIN**

Perubatan Sukan



**DR.
YEO WEE KIAN**

Penyelidikan & Inovasi



**PUAN
WAN NORAFZAN
BINTI WAN MAHADI**

Akademi
Kejurulatihan
Kebangsaan



**PUAN
ZURAFAH
BINTI ABD RAHIM**

Pengurusan



**ENCIK
MOHAMAD FAJAR
BIN MOHAMED
KASIM**

Kewangan



**PUAN
CHIANG SU PING**

Korporat



**ENCIK
ROHAN
A/L GANASON**

Pengkomersialan



**PUAN
SHARIFAH AMILIA
BINTI SYED ABDUL
HAMID**

Audit Dalam



**PUAN
NOORHAMINIYAZURA
BINTI NOORDIN**

Integriti

PRESTASI SUKAN

BIDANG KEPAKARAN



PEMAKANAN SUKAN



BIOMEKANIK SUKAN



ANALISIS PRESTASI SUKAN



PSIKOLOGI SUKAN



FISIOLOGI SENAM



SUAIAN FIZIKAL

Selain Sukan SEA di Filipina, pada tahun 2019 dianggap sebagai musim mempersiapkan atlet negara bagi menghadapi kejohanan dan temasya besar seperti Sukan Olimpik 2020 di Tokyo dengan tumpuan kepada atlet dalam Program Podium serta Pelapis Kebangsaan melibatkan jumlah keseluruhan 732 atlet.

Sepanjang tahun 2019 keperluan bagi perkhidmatan sokongan sains sukan daripada bahagian ini kepada atlet negara amat penting buat tujuh kategori sukan utama iaitu:



SUKAN
KEMAHIRAN



SUKAN
BERPASUKAN



SUKAN
TEMPUR



SUKAN
AKUATIK



SUKAN
KEKUATAN DAN
DAYA TAHAN



SUKAN
RAKET



SUKAN
PARALIMPIK

Dalam Sukan SEA 2019 Kontinjen Malaysia membawa pulang 55 pingat emas, 58 pingat perak dan 71 pingat gangsa. Kejayaan ini tidak akan terhasil tanpa perkhidmatan serta sokongan daripada Institut Sukan Negara yang menyaksikan 14 jenis sukan mendapatkan khidmat kepakaran sains sukan ketika temasya di Filipina berlangsung.

Berdasarkan statistik Bahagian Prestasi Sukan pada 2019 menyaksikan Sukan Berpasukan serta Sukan Kekuatan dan Daya Tahan antara paling kerap mendapatkan khidmat kepakaran sains sukan di dalam dan di luar negara.

Dalam usaha memastikan atlet negara memperolehi perkhidmatan sains sukan yang terbaik, enam bidang kepakaran diberi keutamaan iaitu:

1. Pemakanan Sukan
2. Biomekanik Sukan
3. Analisis Prestasi Sukan
4. Psikologi Sukan
5. Fisiologi Senam
6. Suaian Fizikal

Secara keseluruhannya, enam bidang kepakaran berkenaan telah memainkan fungsi dengan baik dan berdasarkan graf sepanjang tahun 2019 dapat dilihat Analisis Prestasi Sukan, Suaian Fizikal dan Fisiologi Senam paling kerap memberikan perkhidmatan kepada atlet terutama ketika di luar negara diikuti Pemakanan Sukan di dalam negara.

PERKHIDMATAN KEPAKARAN SAINS SUKAN PROGRAM PODIUM DAN PELAPIS KEBANGSAAN BAGI TAHUN 2019


SUKAN KEMAHIRAN

- Memanah
- Menembak
- Boling
- Gimnastik Berirama
- Gimnastik Artistik
- Boling Padang
- Petanque
- Polo*
- Golf*
- Ekuestrian*


SUKAN KEKUATAN & DAYA TAHAN

- Olahraga (Padang & Trek)
- Berbasikal (Jalan Raya & Trek)
- Angkat Berat
- Triathlon*
- Luncur Ais*


SUKAN BERPASUKAN

- Hoki (Lelaki & Wanita)
- Sepak Takraw
- Bola Keranjang (Lelaki* & Wanita)
- Bola Tampar Pantai (Lelaki)*
- Bola Jaring
- Ragbi 7S
- Hoki Ais*
- Bola Sepak*


SUKAN RAKET

- Badminton
- Skuasy
- Tenis*
- Ping Pong


SUKAN TEMPUR

- Karate-Do (Kumite)
- Karate-Do (KATA)
- Taekwondo (Poamsae)
- Taekwondo (Kyorugi)
- Wushu
- Tinju
- Lawan Pedang*
- Silat Olahraga
- Silat Seni
- Judo*
- Muay Thai
- Bola Sepak*


SUKAN PARALIMPIK

- Lawan Pedang Para
- Badminton Para
- Memanah Para
- Angkat Berat Para
- Ping Pong Para
- Boccia
- Olahraga Para (Padang & Trek)
- Tenis (WC)
- Pelayaran Para
- Renang Para
- Bola Keranjang (WC)
- Berbasikal Para
- Bola Sepak Para
- Lawan Pedang (WC)
- Goalball


SUKAN AKUATIK

- Pelayaran
- Ski Air*
- Renang
- Terjun
- Wakeboard
- Kenu
- Melayung




Sukan bertanda * merupakan sukan yang menerima perkhidmatan kepakaran sains sukan semasa Temasya Sukan SEA 2019.

KUMPULAN SASARAN

** (WC) - Wheel Chair




Atlet-atlet yang mendapat perkhidmatan Sains Sukan di Cawangan Prestasi Tinggi merupakan atlet dalam program:




STATISTIK KEKERAPAN PERKHIDMATAN SAINS SUKAN

STATISTIK MENGIKUT KUMPULAN SUKAN




STATISTIK MENGIKUT BIDANG KEPAKARAN



ULASAN KESELURUHAN ATHLETE MANAGEMENT SYSTEM (AMS) 2019

JUMLAH KEMASUKAN DATA 2019



45,958

Jumlah Keseluruhan Kemasukan Data

1,360

Pengguna Berdaftar

7

Kategori Sukan

49

Modul Kerja

16

Administrator

42

Sukan

58

Events Forms

4

Builders

749


Atlet

10


Papan Muka

KEMASUKAN DATA MENGIKUT DISIPLIN

PERATUSAN MENGIKUT PERANAN




JUMLAH MENGIKUT DISIPLIN




JUMLAH KEMASUKAN DATA MENGIKUT KATEGORI DATA 2019

JUMLAH KEMASUKAN DATA MELALUI KAKITANGAN




TREND SEJARAH KEMASUKAN DATA

KEMASUKAN DATA OLEH SAINTIS



KEMASUKAN DATA OLEH ATLET



JUMLAH
KEMASUKAN
DATA
MELALUI ATLET

15,727
Training Log

20,711
Daily Diary

» PEMAKANAN SUKAN



Perkhidmatan pemakanan sukan yang dijalankan oleh Pegawai Pemakanan Sukan telah banyak membantu pesilat negara wanita untuk mengekalkan berat badan yang optimum bagi kategori Putri E (66kg - 70kg). Siti Rahmah mengalami peningkatan berat badan sehingga melebihi 70kg kerana kecederaan belakang yang dialami oleh beliau pada awal tahun 2019. Program pemakanan yang menekankan kepada aspek pengambilan vitamin A, C dan Omega serta pengambilan makanan dari sumber protein yang berkualiti tinggi dalam membantu proses penyembuhan kecederaan yang dialami oleh beliau. Siti Rahmah berjaya menurunkan berat badan kepada 68kg sebelum Kejohanan Terbuka Belgium dan memenangi Emas dalam kategori Puteri E (66kg - 70kg).


Institut Sukan Negara selaku peneraju sukan prestasi tinggi memberikan penekanan kepada salah satu elemen penting dalam sains sukan iaitu pemakanan sukan.

Pemakanan sukan memainkan peranan yang penting dalam mengoptimumkan keperluan tenaga bagi meningkatkan prestasi atlet di samping memantapkan pengetahuan atlet dan jurulatih.


Sepanjang tahun 2019, Pusat Pemakanan Sukan telah merekodkan keseluruhan 4,737 jam perkhidmatan yang telah diberikan kepada tujuh jenis sukan utama selain terlibat dalam 31 program sukan.

Di Pusat Pemakanan Sukan, pasukan pakar pemakanan sentiasa memainkan peranan penting dalam membantu atlet mendapat yang terbaik menerusi perkhidmatan berasaskan bukti saintifik dan mengikut falsafah utamakan makanan termasuk melibatkan pengambilan suplemen.


Berdasarkan statistik pengambilan suplemen mengikut kumpulan sukan sepanjang musim 2019 dapat dirangkumkan bahawa Sukan Berpasukan mencatat peratusan tertinggi iaitu 26.5% manakala Sukan Raket 3.3% (terendah).




JUMLAH PENGAMBILAN JUS PEMULIHAN 2019




STATISTIK PENGAMBILAN SUPLEMEN MENGIKUT KUMPULAN SUKAN



STATISTIK PENGAMBILAN SUPLEMEN



» BIOMEKANIK DAN ANALISIS PRESTASI SUKAN




Dalam perkembangan dunia sukan antarabangsa ketika ini dapat dilihat perkhidmatan biomekanik dan analisis prestasi sukan amat diperlukan untuk mengoptimumkan keupayaan atlet ke tahap terbaik.

Bagi memastikan Malaysia tidak ketinggalan dalam mengharungi cabaran sukan semasa dunia maka Institut Sukan Negara telah menyediakan pelbagai peralatan terkini untuk membantu jurulatih menilai, memantau dan mengoptimumkan prestasi atlet.

Sementara pasukan Analisis Prestasi Sukan sentiasa bersedia memberikan khidmat kepakaran kepada pasukan kebangsaan ketika sesi latihan atau kejohanan menerusi peralatan rakaman canggih dan juga perisian (*Software*) analisa video yang mampu mengumpulkan klip video berdasarkan indikator prestasi sekali gus berupaya menyediakan maklumat penting kepada jurulatih dan atlet dengan pantas dan berkesan.

Berdasarkan statistik sepanjang 2019 dapat dilihat Sukan Berpasukan paling tinggi memperoleh perkhidmatan dan sokongan daripada Pusat Biomekanik dan Analisis Prestasi Sukan dengan jumlah tempoh masa keseluruhan 7,047 jam.

JUMLAH JAM PERKHIDMATAN 23,875



Perkhidmatan analisis spesifik stroke-rate, stroke length dan swim velocity kepada atlet renang para negara Muhammad Nur Syaiful dalam acara 100M Breaststroke semasa Kejohanan Renang Para Dunia 2019 di London telah membantu atlet dan jurulatih bagi mendapatkan maklumat prestasi semasa atlet secara lebih kuantitatif di samping bagi mengenal pasti kekuatan dan kelemahan atlet secara teknikal dan taktikal dengan mengambil kira semua pbolehkan ubah yang terlibat seperti *block-time*, *flight-time*, *underwater-time* dan *turn & end time*.

PERALATAN BIOMEKANIK

Motion Capture System




High Speed Camera



Foot Pressure Mapping System



Force Platform



Instrumented Treadmill



Eye Tracker System



Underwater Camera



Inertia Measurement Unit



Dynamometer (Isokinetic Machine)



Electromyography (EMG)



» PSIKOLOGI SUKAN



Perkhidmatan psikologi yang dijalankan kepada atlet lawn bowls (Auni Fathiah Kamis, Alyani Jamil, Azlina Arshad dan Nur Fidrah Noh) yang merangkumi *psychology skills training* (PST), dinamik kumpulan, komunikasi dan interaksi pasukan dalam memastikan keserasian hubungan atlet dalam kumpulan telah membantu merangkul pingat perak di Kejohanan 2019 Asia Pacific Bowls Championship kategori Women's Fours.

Dunia sains sukan telah membuktikan bahawa psikologi sukan memainkan peranan penting dalam membantu kecemerlangan seseorang atlet kerana apa yang bermain difikiran dan perasaan atlet boleh memberi kesan ketara ke atas prestasi sukan mereka.


Di Institut Sukan Negara, Pusat Psikologi Sukan umpama pemangkin semangat buat atlet agar yakin dengan kekuatan diri sendiri dalam proses bergelar juara.

Kepentingan Pusat Psikologi Sukan di Institut Sukan Negara dapat dilihat pada perkhidmatan yang telah diberikan kepada atlet sepanjang tahun 2019.

Rekod tahun 2019 menunjukkan sejumlah 492 atlet negara telah menerima perkhidmatan daripada Pusat Psikologi Sukan dengan bilangan tertinggi adalah di Akademi Mokhtar Dahari iaitu seramai 207 atlet.

Sementara sukan boling padang adalah yang tertinggi mendapatkan perkhidmatan daripada pusat ini dengan jumlah kekerapan 195 sesi sepanjang tahun 2019.

JUMLAH KESELURUHAN ATLET YANG MENERIMA PERKHIDMATAN



» FISILOGI SENAM



Atlet Badminton Negara Lee Zii Jia telah menjalani Program Latihan jangka pendek 'Hypoxic Repeated Sprints' selama 3 minggu (2 sesi seminggu). Beliau telah menunjukkan peningkatan yang ketara dari segi Peak Power (16%) dan Mean Power Output (15%). Program seperti ini dilihat mempunyai potensi yang amat berkesan terutama dalam sukan badminton yang memerlukan kelajuan dan kekuatan untuk mengekalkan prestasi atlet ketika sedang bertanding. Juga mempertimbangkan jadual kejohanan yang padat, keupayaan untuk membuat peningkatan dalam penghasilan 'anaerobic power' dalam 4 hingga 6 sesi boleh memberi impak dalam memperbaiki keadaan fizikal atlet sepanjang tempoh kelayakan sukan Olimpik.

Dalam industri sukan antarabangsa, fisiologi senam adalah elemen penting untuk mengenal pasti keperluan utama atlet agar dapat mencapai kecemerlangan.

Di ISN, Pusat Fisiologi Senam mempunyai objektif mereka tersendiri iaitu memberikan perkhidmatan sokongan fisiologi untuk membantu atlet dan jurulatih mengenal pasti keperluan fisiologi yang tertentu dalam sukan yang diceburi dan faktor-faktor yang menentukan pencapaian yang cemerlang dalam sukan tersebut.

Tiga perkhidmatan utama yang diberikan tumpuan oleh Pusat Fisiologi Senam kepada atlet merangkumi:

Perkhidmatan Fisiologi

- Pengukuran dan penilaian fisiologikal
- Pemantauan prestasi sukan semasa latihan dan pertandingan
- Latihan tambahan bagi prestasi optima
- Strategi pemulihan berkesan
- Ujian senaman klinikal

Pendidikan Atlet & Jurulatih

Penyelidikan Fisiologi Gunaan



PENILAIAN FISILOGIKAL

Ujian fisiologikal secara lapangan (ujian pecut, ketangkasan, kuasa, kelenturan) dan makmal (VO2max, ujian masa)



PEMANTAUAN

- Latihan dan pertandingan
 - Penggunaan kadar nadi
 - Persepsi skala 1-10 (1 paling lemah; 10 paling cergas)
 - Analisa darah laktik dan glukosa
- Pelaksanaan preskripsi latihan



PEMULIHAN

Menggunakan kaedah, rendaman air sejuk, rendaman air sejuk dan panas (*contrast bath*) atau *recovery boots*

PERKHIDMATAN FISIOLOGI SENAM KEPADA ATLET

JUMLAH PERKHIDMATAN

2,328
Perkhidmatan

1,012
Pemulihan

1,198
Pemantauan

SUKAN PARALIMPIK




SUKAN TEMPUR



SUKAN RAKET



SUKAN AKUATIK



SUKAN KEMAHIRAN



SUKAN KEKUATAN & DAYA TAHAN




SUKAN BERPASUKAN




PERATUS PERKHIDMATAN


43.5%



51.5%




5%



- SUKAN BERPASUKAN
- SUKAN KEKUATAN & DAYA TAHAN
- SUKAN KEMAHIRAN
- SUKAN AKUATIK
- SUKAN RAKET
- SUKAN TEMPUR
- SUKAN PARALIMPIIK

KEKERAPAN SESI PERKHIDMATAN PEMULIHAN



» SUAIAN FIZIKAL



Peranan Pusat Suaian Fizikal setiap tahun sentiasa mencabar begitu juga pada tahun 2019 kerana perlu memastikan program terbaik diperoleh atlet berkaitan suaian fizikal.

Tumpuan bukan sahaja diberikan kepada atlet yang dalam persediaan menghadapi kejohanan malah diberikan kepada atlet dalam proses pemulihan.

Bagi memastikan perkhidmatan terbaik, Pegawai Suaian Fizikal bekerjasama dengan jurulatih dalam merancang program-program khusus agar memenuhi keperluan atlet.

Berdasarkan statistik 2019 dapat dilihat penggunaan fasiliti di Pusat Suaian Fizikal paling tinggi direkodkan ialah pada bulan Ogos dengan jumlah dicatatkan ialah 2,023 atlet.




Pelari pecut 100 meter negara, Khairul Hafiz Jantan telah menjalani latihan intervensi spesifik bagi meningkatkan jisim otot dan kekuatan maksimum selama 3 bulan (4x seminggu) bersama pegawai suaian fizikal Institut Sukan Negara. Jisim otot atlet telah bertambah sebanyak 6% serta kekuatan maksimum telah meningkat sebanyak 29% bagi senaman power clean dan 1.51 kg.kg-1 dalam kekuatan relatif. Bagi senaman back squat, atlet menunjukkan peningkatan sebanyak 23% dan 2.62 kg.kg-1 dalam kekuatan relatif. Peningkatan ini memberi impak kepada kebolehan otot menghasilkan kuasa dan daya yang tinggi, yang mana merupakan elemen penting dalam acara pecut.


Perkhidmatan Suaian Fizikal yang dijalankan telah banyak membantu Welson Sim mencapai kondisi kecergasan fizikal yang optimum semasa mengikuti latihan di Australia. Perancangan program latihan suaian fizikal secara spesifik telah membantu Welson Sim dalam peningkatan komponen Hip Flexibility dan Range of Motion (ROM) sebanyak 5% berbanding tahun 2018. Kekuatan Hip Extension juga menunjukkan peningkatan sebanyak 10% berbanding dengan tahun 2018. Elemen ini amat penting bagi sukan renang gaya bebas 400m kerana ianya melibatkan aktiviti lompatan dan penghasilan daya tolakan (momentum) yang kuat semasa melakukan pusingan di dalam air.

KEKERAPAN PENGGUNAAN FASILITI SUAIAN FIZIKAL


JUMLAH PENGGUNAAN MENGIKUT BULAN




PERATUS PERKHIDMATAN




SUKAN RAKET




SUKAN TEMPUR




SUKAN BERPASUKAN



SUKAN AKUATIK



SUKAN KEMAHIRAN



SUKAN KEKUATAN & DAYA TAHAN

PERUBATAN SUKAN



KLINIK PAKAR
PERUBATAN SUKAN



FARMASI &
KAUNSELING
UBATAN



RADIOLOGI



MAKMAL
PERUBATAN



PEMERIKSAAN
KECERGASAN
SUKAN



FISIOTERAPI &
REHABILITASI
SUKAN



URUTAN
SUKAN



LIPUTAN
PERUBATAN

Perubatan Sukan amat penting dalam industri sukan dunia malah keperluannya tidak boleh dinafikan lagi.

Di Institut Sukan Negara, Perubatan Sukan menjadi rujukan utama atlet serta jurulatih bagi meningkatkan prestasi, pulih daripada kecederaan dan mencegah kecederaan.

Perubatan Sukan Institut Sukan Negara mempunyai kepakaran yang mampu memenuhi keperluan atlet seperti:

- Merawat atlet amat.
- Atlet yang mahu keputusan lebih baik daripada program latihan mereka.
- Atlet yang telah mengalami kecederaan dan cuba untuk mendapatkan semula fungsi penuh.
- Atlet kurang upaya yang ingin meningkatkan mobiliti dan keupayaan.

Pada tahun 2019 dapat dilihat Perubatan Sukan menjadi tumpuan berdasarkan data rawatan pesakit di **Pusat Perubatan Sukan Negara (PPSN)**, data ujian di makmal perubatan, preskripsi pesakit di farmasi, liputan perubatan, data penganjuran program akademik perubatan dan data rehabilitasi sukan yang direkodkan sepanjang tahun.

RAWATAN PESAKIT DI PPSN

40,593

Jumlah Rawatan Pesakit

6,986 Klinik	26 Rujukan Pakar Luar	19 Implan Pembedahan	1,452 Pemeriksaan Perubatan (Pakej)	6,619 Preskripsi
160 DXA	854 Ultrasound	194 MRI	1,338 X-ray	821 Makmal
10,161 Fisioterapi	2,528 Rehabilitasi	9,345 Urutan Sukan	Liputan Perubatan	
			62 Luar Negara	28 Dalam Negara

JUMLAH PERKHIDMATAN DI MAKMAL PERUBATAN

UJIAN DI MAKMAL PERUBATAN

11,554
Jumlah Ujian

UJIAN-UJIAN LAIN

18

URINALISIS

1,531

UJIAN SARINGAN DADAH & PENYALAHGUNAAN BAHAN

168

IMMUNOSEROLOGI RAPID KIT

435

BIOKIMIA

6,191

HEMATOLOGI

3,211

KEHADIRAN KE MAKMAL PERUBATAN

2,385
Pesakit

ATLET PARA


306

ATLET NORMAL

2,079


JUMLAH PERKHIDMATAN UJIAN RADIOLOGI

3,897
Jumlah Ujian




PRESKRIPSI PESAKIT DI FARMASI

8,507
Pesakit



KEKERAPAN LIPUTAN PERUBATAN



Pusat Perubatan Sukan Negara (PPSN) telah berjaya merawat kecederaan lutut yang dialami atlet Karate-Do negara, Sharmendran A/L Ragonathan.

Beliau terpaksa menjalani pembedahan lutut pada Februari 2019 diikuti dengan rawatan rehabilitasi di PPSN secara intensif. Atlet ini berjaya pulih sepenuhnya dan kemudian beraksi di Temasya Sukan Sea Filipina 2019. Lebih manis lagi apabila atlet ini berjaya meraih pingat emas bagi kategori Kumite 75kg di temasya sukan tersebut.


REHABILITASI SUKAN

PUSAT PERKHIDMATAN FISIOTERAPI DAN URUTAN SUKAN



KEKERAPAN KEDATANGAN & RAWATAN PESAKIT

- FISIOTERAPI
- URUTAN SUKAN



PENYELIDIKAN & INOVASI



PENYELIDIKAN
TRANSLASI



PENGURUSAN
PENYELIDIKAN
BERSEPADU



TEKNOLOGI
SUKAN



MAKMAL
BERSEPADU

Pada 2019, Bahagian Penyelidikan dan Inovasi telah memainkan peranannya bagi merencana, merancang aktiviti dan menggalakkan inovasi dalam kalangan warga Institut Sukan Negara melalui penyelidikan untuk meningkatkan prestasi atlet serta penerbitan penulisan.

Semua ini dapat dilihat menerusi penggunaan Makmal Bersepadu, Penyelidikan dan Penerbitan ISN Tahun 2019.

Dalam masa sama fokus juga diberikan kepada empat fungsi utama bagi membantu meningkatkan impak prestasi sukan negara sepanjang musim 2019, iaitu menerusi:

- Memperkasa amalan penyelidikan, inovasi dan pembangunan dalam bidang sains sukan, perubatan sukan, teknologi sukan dan sosial sukan.
- Menguruskan makmal penyelidikan bersepadu yang canggih dalam melaksanakan kajian berprestasi tinggi.
- Menguruskan projek penyelidikan yang dijalankan di Institut Sukan Negara.
- Melaksanakan penyelidikan dan pembangunan (*Research and Development*) dalam usaha memberikan impak kepada prestasi sukan.

Berdasarkan data yang diperoleh daripada penggunaan makmal bersepadu mendapati kemuncak kekerapan penggunaan makmal bersepadu meningkat menjelang temasya sukan besar.




Projek Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) dijalankan oleh ISN bersama TotalSim bagi sukan berbasikal yang tertumpu kepada pembangunan basikal khas iaitu basikal *WRX Track Bike* bagi Azizulhasni Awang yang akan digunakan semasa Sukan Olimpik 2020. Hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) iaitu basikal *WRX* telah didaftarkan dan diluluskan oleh badan berbasikal dunia iaitu Union Cycliste Internationale (UCI).



PERKHIDMATAN MAKMAL BERSEPADU

PENGGUNAAN MAKMAL BERSEPADU



Makmal bersepadu menyediakan perkhidmatan sains sukan untuk membantu atlet dan jurulatih dalam meningkatkan prestasi sukan selain pemulihan selepas latihan atau pertandingan.

Di samping itu, penyelidikan sains sukan juga dilaksanakan untuk menyediakan bukti yang dapat meningkatkan prestasi atlet serta menghasilkan intervensi latihan cekap buat atlet kebangsaan.

Kadar penggunaan makmal *environmental & altitude* mencatat penggunaan tertinggi kerana jurulatih berkeyakinan bahawa dengan teknologi sedemikian dapat membantu atlet meningkatkan tahap kecergasan dan prestasi sukan.

Dalam masa sama makmal *hydrotherapy* juga menjadi kaedah yang paling diminati oleh jurulatih dan atlet untuk pemulihan selepas latihan atau pertandingan.

Antara sukan terlibat adalah:

- Bola Sepak
- Olahraga
- Skuasy
- Marathon
- Karate
- Pencak Silat
- Ragbi
- Gimnastik
- Terjun
- Memanah
- Hoki
- Berbasikal




PENERBITAN

Sepanjang 2019 menyaksikan sejumlah 27 penerbitan berjaya dihasilkan oleh pegawai Institut Sukan Negara.

Lebih membanggakan pada tahun 2019 projek penyelidikan tersebut berjaya dibentang dan diterbitkan di jurnal antarabangsa dan tempatan, konferen serta seminar.

Bidang penyelidikan berkenaan merangkumi *applied sports science*, perubahan sukan, aktiviti fizikal dan sebagainya.

Kami, **PROF. DATO' DR. RAHMAT BIN MOHAMAD** dan **HAIRUL BIN ABDUL HAMID** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Anggota Institut Sukan Negara, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota Institut Sukan Negara, Penyata Kewangan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 2019 yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan dalam Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **INSTITUT SUKAN NEGARA** pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Anggota,



NAMA : **PROF. DATO' DR. RAHMAT
BIN MOHAMAD**
GELARAN : Pengerusi Anggota

Institut Sukan Negara

Tarikh : 21 September 2020

Kuala Lumpur

Bagi pihak Anggota,



NAMA : **HAIRUL BIN ABDUL HAMID**
GELARAN : Ahli Anggota

Institut Sukan Negara

Tarikh : 21 September 2020

Kuala Lumpur

INSTITUT SUKAN NEGARA

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN BADAN BERKANUN BERKENAAN**

Saya, **MOHAMAD FAJAR BIN MOHAMED KASIM**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan **INSTITUT SUKAN NEGARA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai, Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akaun Berkanun 1960 (Akta 783).

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama di atas)
di **KUALA LUMPUR** pada)
21 SEP 2020


.....
**MOHAMAD FAJAR BIN
MOHAMED KASIM**

Di hadapan saya



NO. 57-2, JALAN WANGSA DELIMA 5
PUSAT BANDAR WANGSA MAJU (KLSQ)
53300 KUALA LUMPUR

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	NOTA	2019 RM	2018 RM
ASET			
Aset Semasa			
Tunai dan Kesetaraan Tunai	4	13,529,112	11,682,010
Akaun Belum Terima	5	9,847,810	4,967,520
Penghutang Pinjaman Pekerja	6	5,179	5,179
Jumlah Aset Semasa		23,382,101	16,654,709
Aset Bukan Semasa			
Penghutang Pinjaman Pekerja	6	5,728	10,907
Hartanah, Loji dan Peralatan	7	23,109,418	29,625,968
Kerja Dalam Kemajuan	8	16,617,669	15,728,775
Aset Tak Ketara	9	1,337,157	2,396,061
Jumlah Aset Bukan Semasa		41,069,972	47,761,711
Jumlah Aset		64,452,073	64,416,420
LIABILITI			
Liabiliti Semasa			
Pelbagai Pemiutang dan Perbelanjaan Terakru	10	7,974,280	15,865,093
Peruntukan Manfaat Kakitangan	11	165,741	667,069
Jumlah Liabiliti Semasa		8,140,021	16,532,162
Liabiliti Bukan Semasa			
Peruntukan Manfaat Kakitangan	11	268,689	-
Peruntukan Geran	12	56,208,815	53,467,933
Pendapatan Tertunda	13	83,236	126,967
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		56,560,740	53,594,900
Jumlah Liabiliti		64,700,761	70,127,062
(Liabiliti) Bersih		(248,688)	(5,710,642)
ASET BERSIH/EKUITI (Kurangan) Terkumpul		(248,688)	(5,710,642)
(LIABILITI) BERSIH		(248,688)	(5,710,642)

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
PENDAPATAN			
Urus Niaga Pertukaran	14	81,047	105,227
Urus Niaga Bukan Pertukaran	15	30,743,329	102,373,271
Pendapatan Lain	16	23,983,236	1,151,447
JUMLAH PENDAPATAN		54,807,612	103,629,945
PERBELANJAAN			
Emolumen	17	19,418,414	47,512,490
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup		2,588,323	17,280,443
Pengangkutan Barang-Barang		19,057	58,545
Perhubungan dan Utiliti		1,444,143	1,844,477
Sewaan		440,950	2,157,004
Bahan-Bahan Makanan dan Minuman		356,027	902,639
Bekalan Bahan Mentah dan Bahan-Bahan Untuk Penyelenggaraan		176,998	316,807
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain		1,902,431	5,491,505
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil		831,502	1,003,048
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti		2,588,999	5,105,474
Biasiswa, Dermasiswa dan Bantuan Pelajaran		46,710	83,582
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		6,827,611	5,940,444
Gantian Cuti Rehat dan Ganjaran		437,182	566,817
Imbuan Tahunan dan Bantuan Kewangan		110,500	868,664
Pulang Balik dan Hapuskira		73,948	174,011
Perbelanjaan Susut Nilai		11,516,793	11,362,534
Perbelanjaan Lain		124,838	998,683
JUMLAH PERBELANJAAN		48,904,426	101,667,167
LEBIHAN PENDAPATAN SEBELUM CUKAI		5,903,186	1,962,778
Cukai pendapatan	18	-	-
LEBIHAN BAGI TAHUN SEMASA		5,903,186	1,962,778

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH/EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	(Kurangan) Terkumpul RM
Baki pada 31 Disember 2015	(1,219,285)
(Kurangan) bersih bagi tahun semasa Pelunasan Wang Harta Modal	(1,159,512) (450,143)
Baki pada 31 Disember 2016	(2,828,940)
(Kurangan) bersih bagi tahun semasa Pelunasan Wang Harta Modal	(2,047,603) 11,583
Baki pada 31 Disember 2017	(4,864,960)
Lebih bersih bagi tahun semasa Pelarasan	1,962,778 (2,808,460)
Baki pada 31 Disember 2018	(5,710,642)
Lebih bersih bagi tahun semasa Pelarasan	5,903,186 (441,232)
Baki pada 31 Disember 2019	(248,688)

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 (RM)	2018 (RM)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI			
Lebihan Pendapatan Sebelum Cukai		5,903,186	1,962,778
Pelarasan-pelarasan yang tidak melibatkan pergerakan tunai :-			
Susut Nilai Hartanah, Loji dan Peralatan	7 & 9	10,517,529	10,738,751
Pulangan Balik dan Hapuskira		3,862	1,773
Untung atas Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan		79,171	29,357
Pelunasan Geran Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara		(1,040,000)	(21,026,693)
Pelunasan Geran Pembangunan Adamas		-	(293,316)
Pelunasan Geran Pembangunan ISN		(6,141,499)	(6,607,468)
Pelunasan Geran Pembangunan Podium		(1,618,571)	(52,293,064)
Pelunasan Geran MyTID		(175,800)	(644,869)
Pelunasan Geran PFI 2		(964,425)	(1,064,130)
Pelunasan Wang Harta Modal		(43,731)	(43,731)
		616,536	(71,203,390)
Lebihan / (Kurangan) dari Aktiviti Operasi		6,519,722	(69,240,612)
Perubahan Modal Kerja			
(Peningkatan) / Pengurangan Akaun Belum Terima		(4,880,290)	4,945,184
Pengurangan / (Peningkatan) Penghutang Pinjaman Pekerja		5,179	(11,725)
(Pengurangan) / Peningkatan Pemiutang dan Perbelanjaan Terakru		(7,890,813)	6,618,253
(Pengurangan) Peruntukan Manfaat Kakitangan		(232,639)	(173,587)
		(12,998,563)	11,378,125
Tunai Bersih Digunakan untuk Aktiviti Operasi		(6,478,840)	(57,862,487)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan		(2,945,937)	(4,323,691)
Untung atas Jualan Hartanah, Loji dan Peralatan		(79,171)	(29,357)
Pembelian Aset Tak Ketara		-	(446,050)
Projek Dalam Pelaksanaan		(888,894)	(7,228,775)
Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Pelaburan		(3,914,002)	(12,027,873)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Terimaan dari Kerajaan Malaysia - Wang Amanah Sukan Negara	11	1,040,000	10,000,000
Terimaan dari Kerajaan Malaysia - Pembangunan ISN	11	13,740,000	3,500,000
Terimaan dari Kerajaan Malaysia - Pembangunan Adamas	11	-	460,308
Terimaan dari Kerajaan Malaysia - Pembangunan Podium	11	-	50,473,000
Terimaan Bukan Hasil (Pelarasan)		(2,540,056)	(4,284,051)
Tunai Bersih Dijanakan daripada Aktiviti Pembiayaan		12,239,944	60,149,257
(KURANGAN) BERSIH TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI		1,847,102	(9,741,103)
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun		11,682,010	21,423,113
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun		13,529,112	11,682,010
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Terdiri daripada:			
Baki Simpanan Tetap, Bank dan Wang Tunai		13,529,112	11,682,010

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Jumlah Bajet Asal RM	Jumlah Bajet Akhir RM	Jumlah Sebenar RM	Varian Bajet RM
PERUNTUKAN				
Gaji, Elaun, KWAP dan Kos Kakitangan	17,394,900	17,394,900	16,870,397	524,503
Upah	1,500,000	1,170,000	1,153,534	16,466
KWSP dan Perkeso	1,000,000	1,150,000	1,140,864	9,136
Elaun Lebih Masa	80,000	260,000	253,619	6,381
Jumlah Emolumen	19,974,900	19,974,900	19,418,414	556,486
Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup	1,457,900	2,659,900	2,588,323	71,577
Pengangkutan Barang-Barang	50,000	50,000	19,057	30,943
Perhubungan dan Utiliti	2,232,500	1,532,500	1,444,143	88,357
Sewaan	413,000	463,000	440,950	22,050
Bahan-Bahan Makan dan Minuman	1,500,000	850,000	356,027	493,973
Bekalan Bahan Mentah dan Alat Ganti	210,000	390,000	176,998	213,002
Bekalan dan Bahan-Bahan Lain	2,942,000	1,992,000	1,902,431	89,569
Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil	2,392,500	862,500	831,502	30,998
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	3,000,000	2,645,000	2,588,999	56,001
Jumlah Perkhidmatan & Bekalan	14,197,900	11,444,900	10,348,430	1,096,470
Harta Modal	364,200	364,200	(833,080)	1,197,280
Biasiswa dan Dermasiswa	85,000	85,000	46,710	38,290
Pemberian Dalam & Luar Negeri	5,000,000	6,850,000	6,827,611	22,389
Gantian Cuti Rehat	115,000	915,000	437,182	477,818
Jumlah pemberian dan kenaanan bayaran tetap	5,200,000	7,850,000	7,311,503	538,497
Bayaran-Bayaran Lain	23,000	126,000	124,838	1,162
JUMLAH	39,760,000	39,760,000	36,370,105	3,389,895

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

1 LATAR BELAKANG DAN AKTIVITI UTAMA

Institut Sukan Negara (ISN) ditubuhkan di Malaysia di bawah Akta Institut Sukan Negara 2011 [Akta 729]. ISN adalah agensi di bawah Kementerian Belia dan Sukan (KBS) yang merupakan peneraju kepada pembangunan kemajuan dan kecemerlangan sains, perubatan dan teknologi sukan negara. Kecemerlangan dan kejayaan dalam peningkatan prestasi atlet dan sukan negara menjadi fokus utama ISN kerana kejayaan melahirkan atlet bertaraf dunia adalah melalui penerapan elemen sains sukan dan perubatan sukan yang bermula dari peringkat akar umbi sehinggalah menjadi seorang atlet bertaraf dunia.

Penyata Kewangan (Teraudit) ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Anggota Institut Sukan Negara Bil 3/2020 pada 21 September 2020 dan diluluskan untuk dikemukakan kepada Jabatan Audit Negara.

2 ASAS PENYEDIAAN

a. Tempoh Laporan dan Entiti

Penyediaan Penyata Kewangan ISN adalah tertakluk kepada Akta 1980 Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) di mana tempoh pelaporan tidak dinyatakan di dalam Akta tersebut. Oleh itu, tahun kewangan ISN adalah daripada 1 Januari hingga 31 Disember selaras dengan Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang merupakan Mata Wang fungsian dan pelaporan ISN.

b. Penyata Pematuhan

Penyata Kewangan disediakan pada Asas Akruan.

Penyata Kewangan ini telah disediakan berdasarkan kepada Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) Asas Akruan. MPSAS 33 membenarkan pengguna kali pertama untuk mengiktiraf dan/atau mengukur Aset dan/atau Liabiliti tertentu dalam tempoh satu (1) sehingga tiga (3) tahun.

Penyata kewangan telah disediakan atas dasar kos sejarah, kecuali dinyatakan sebaliknya. Penyata aliran tunai disediakan menggunakan kaedah tidak langsung.

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MPSAS memerlukan penggunaan anggaran perakaunan kritikal tertentu. Ini juga memerlukan para Pengarah membuat pertimbangan dan penilaian dalam proses mewujudkan polisi perakaunan ISN.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING

a. Piawaian dan Interpretasi yang dikeluarkan, diterima pakai awal oleh ISN.

ISN telah memilih untuk menerima pakai lebih awal semua piawaian dan tafsiran yang dikeluarkan oleh Jabatan Akauntan Negara (JANM) yang berkuat kuasa dan diterima pakai bagi tahun kewangan bermula 1 Januari 2017 seperti berikut:

MPSAS 1	- Pembentangan Penyata Kewangan
MPSAS 2	- Penyata Aliran Tunai
MPSAS 3	- Dasar Perakaunan, Perubahan dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
MPSAS 9	- Hasil daripada Urus Niaga Pertukaran
MPSAS 14	- Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
MPSAS 17	- Hartanah, Loji dan Peralatan
MPSAS 19	- Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
MPSAS 20	- Pendedahan Pihak Berkaitan
MPSAS 22	- Pendedahan Maklumat Kewangan Mengenai Sektor Am Kerajaan
MPSAS 23	- Hasil Daripada Urus Niaga Bukan Pertukaran (Cukai & Pindahan)
MPSAS 24	- Pembentangan Maklumat Bajet dalam Penyata Kewangan
MPSAS 25	- Manfaat Pekerja
MPSAS 28	- Instrumen Kewangan: Pembentangan
MPSAS 29	- Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
MPSAS 31	- Aset Tak Ketara
MPSAS 33	- Pemakaian Kali Pertama MPSAS Berasaskan Akruan

b. Pengiktirafan Hasil

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Bantuan Kerajaan

Geran Mengurus yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk pembiayaan belanja operasi diakaunkan dalam Penyata Prestasi Kewangan pada tahun ia diterima.

Geran Pembangunan diiktiraf sebagai pendapatan tertunda dan dilunaskan kepada Penyata Prestasi Kewangan mengikut jangka hayat aset atau tahun di mana perbelanjaan dibuat.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Pendapatan Faedah

Hasil Faedah Terakru menggunakan Kaedah Kadar Faedah Berkesan.

Kadar Faedah Berkesan mendiskaun dengan tetap anggaran terimaan tunai masa hadapan melalui usia guna Aset Kewangan kepada Amaun Bawaan Bersih Aset tersebut. Kadar ini digunakan untuk menentukan Hasil Faedah setiap tempoh daripada prinsipal yang tertunggak.

Pendapatan Sewa

Pendapatan sewa yang diterima daripada sewaan fasiliti ISN oleh entiti luar diambil kira mengikut pada pertimbangan nilai saksama yang diterima atau belum diterima dan dimasukkan sebagai hasil.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (sambungan)

Lain-lain Hasil

Sumbangan

Sumbangan yang diperolehi daripada syarikat-syarikat tempatan sama ada dalam bentuk wang tunai atau barangan yang diterima atau belum diterima diambil kira mengikut asas akruan sepanjang tempoh perjanjian.

Hasil perkhidmatan

Hasil perkhidmatan adalah diambil kira berdasarkan jumlah pendapatan yang dijana sendiri oleh ISN melalui penganjuran kursus, perkhidmatan sains sukan dan perubatan sukan serta lain-lain perkhidmatan dari semasa ke semasa.

c. Hartanah, Loji dan Peralatan serta Susutnilai

Semua hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos ditolak susutnilai penjejasan terkumpul kecuali kerja dalam perlaksanaan/kemajuan. Susutnilai ke atas aset dalam kerja-kerja pembinaan bermula apabila aset tersebut sedia untuk digunakan. Hanya hartanah, loji dan peralatan berharga RM2,000 dan ke atas setiap unit dipermodalkan. Kos sesuatu unit hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada awalnya termasuk harga pembelian dan sebarang kos yang berkaitan secara langsung untuk membawa aset kepada lokasi dan berada dalam keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikendalikan oleh pihak pengurusan.

Kos berikutnya dimasukkan dalam amaun di bawah aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, mengikut kesesuaian, hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan dan potensi perkhidmatan yang digunakan oleh ISN dan kos unit tersebut boleh diukur dengan pasti. Amaun dibawa bahagian yang diganti dinyahiktiraf. Semua pembaikan dan penyelenggaraan lain diiktiraf sebagai perbelanjaan lebihan atau defisit dalam tempoh kewangan tersebut.

Susutnilai dikenakan pada kaedah garis lurus dengan memperuntukkan kos aset ditolak nilai sisa:

i)	Komputer	25% setahun
ii)	Perisian Komputer	25% setahun
iii)	Lekapan dan Lengkapan	20% setahun
iv)	Alatan Pejabat	20% setahun
v)	Alatan Perubatan	20% setahun
vi)	Alat dan Peralatan	20% setahun
vii)	Alatan Sukan	20% setahun
viii)	Kenderaan & Jentera Berat	20% setahun
ix)	Ubahsuaian	20% setahun

d. Kerosotan Nilai Aset

Nilai aset yang dibawa disemak pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan untuk menentukan sama ada terdapat tanda kerosotan. Jika wujud tanda sedemikian, nilai aset dijangka dapat diperolehi dianggarkan. Nilai jangka dapat diperolehi merupakan amaun yang lebih tinggi di antara nilai jualan bersih aset dan nilai diguna, yang diukur berasaskan aliran tunai yang dijangka yang didiskaunkan.

Kerugian kerosotan dicajkan terus kepada Penyata Prestasi Kewangan. Sebarang kenaikan seterusnya di dalam nilai dijangka dapat diperolehi diiktiraf sebagai keterbalikan kerugian kerosotan terdahulu dan diiktiraf setakat nilai aset dibawa yang akan ditentukan (selepas susutnilai atau pelunasan, jika berkaitan) sekiranya tiada kerugian kerosotan diiktiraf sebelum ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (sambungan)

e. Aset Tak Ketara – Perisian Komputer dan Sistem

Kos berkaitan dengan pembangunan dan penyelenggaraan program perisian komputer diambil kira apabila kos tersebut ditanggung yang berkaitan secara langsung dengan produk perisian yang dikenal pasti serta yang dikawal oleh ISN diiktiraf sebagai aset tak ketara apabila kriteria berikut dipenuhi:

- i) Kebolehlaksanaan teknikal dalam menyiapkan Aset Tak Ketara supaya ia tersedia untuk diguna atau dijual;
- ii) Hasrat entiti untuk menyiapkan Aset Tak Ketara tersebut untuk diguna atau dijual;
- iii) Keupayaan entiti untuk mengguna atau menjual Aset Tak Ketara;
- iv) Cara Aset Tak Ketara akan berkemungkinan menghasilkan faedah ekonomi atau potensi perkhidmatan masa hadapan. Antara lain, entiti boleh menunjukkan kewujudan pasaran untuk output Aset Tak Ketara tersebut atau Aset Tak Ketara itu sendiri atau, jika ia adalah untuk digunakan secara dalaman, kebergunaan Aset Tak ketara tersebut;
- v) Ketersediaan sumber teknikal, kewangan dan sumber lain yang mencukupi untuk menyiapkan pembangunan dan untuk menggunakan atau menjual Aset Tak Ketara tersebut; dan
- vi) Keupayaan untuk mengukur dengan pasti belanja yang boleh dikaitkan dengan Aset Tak Ketara sewaktu pembangunan.

Kos langsung yang dipermodalkan sebagai sebahagian daripada produk perisian termasuk kos pekerja pembangunan perisian dan bahagian overhead yang relevan.

Perbelanjaan pembangunan yang lain yang tidak memenuhi kriteria ini diiktiraf sebagai perbelanjaan apabila ditanggung. Kos pembangunan yang sebelum ini diiktiraf sebagai perbelanjaan tidak diiktiraf sebagai aset dalam tempoh berikutnya. Kos pembangunan perisian komputer dikira sebagai aset dilunaskan dari titik di mana aset tersebut sedia untuk digunakan sepanjang anggaran hayat berguna, yang tidak melebihi 4 tahun. Perisian komputer yang dibeli dipermodalkan berasaskan jumlah kos pembelian dan penggunaan perisian tersebut. Kos tersebut dilunaskan mengikut anggaran tempoh hayat berguna selama 4 tahun.

f. Instrumen Kewangan

Aset Kewangan

Klasifikasi

ISN mengklasifikasikan aset kewangannya sebagai pinjaman dan belum terima. Klasifikasi bergantung kepada tujuan yang mana aset kewangan tersebut diperolehi.

Pinjaman dan Penghutang

Pinjaman dan yang belum diterima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan tetap atau pembayaran boleh ditentukan yang tidak sebutharga dalam pasaran aktif. Jika jumlah kutipan djangka dalam satu tahun atau kurang ia dikelaskan sebagai aset semasa. Jika tidak, ia dibentangkan sebagai aset bukan semasa. Pinjaman dan kesetaraan belum diterima oleh ISN terdiri daripada 'Akaun Belum Terima' dan tunai dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

Akaun Belum Terima dinyatakan pada nilai yang djangka boleh direalisasikan. Hutang lapuk yang dikenalpasti akan dihapuskan. Anggaran dibuat bagi hutang ragu berdasarkan semakan ke atas semua baki tertunggak pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (sambungan)

Liabiliti Kewangan

Pengiktirafan

Liabiliti kewangan ISN termasuk pemiutang. Pemiutang diklasifikasikan sebagai liabiliti kewangan lain pada pengiktirafan awal. Liabiliti kewangan diiktiraf pada awalnya pada nilai saksama. Liabiliti kewangan lain kemudiannya dibawa pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan.

Pemiutang dinyatakan pada nilai kos dimana nilai saksama merupakan amaun yang perlu dibayar pada masa hadapan untuk perkhidmatan atau barangan yang diterima.

g. Tunai dan Kesetaraan Tunai

Bagi tujuan penyata aliran tunai, kesetaraan tunai dipegang untuk tujuan memenuhi komitmen tunai jangka pendek dan bukannya untuk pelaburan atau tujuan lain. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai dalam tangan, tunai di bank, pelaburan berkecairan tinggi dengan tempoh matang asal 6 bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada jumlah tunai yang diketahui dan yang tertakluk kepada risiko yang tidak ketara pada perubahan nilai.

h. Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila ISN mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif semasa akibat daripada peristiwa yang lepas, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dan anggaran yang boleh dipercayai jumlahnya boleh dibuat.

Peruntukan diukur pada nilai anggaran semasa terbaik ke atas perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi dengan menggunakan kadar sebelum cukai yang menggambarkan penilaian pasaran semasa bagi nilai masa wang dan risiko khusus kepada tanggungjawab itu. Peningkatan peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai belanja kos kewangan.

i. Manfaat Pekerja

Faedah Jangka Pendek Kakitangan

Upah, gaji, cuti tahunan berbayar dan cuti sakit, bantuan khas kewangan dan manfaat bukan kewangan yang dijangka akan diselesaikan sepenuhnya dalam tempoh 12 bulan selepas akhir tempoh pelaporan di mana kakitangan memberi perkhidmatan yang berkaitan diiktiraf berkenaan dengan perkhidmatan pekerja dan diukur pada jumlah yang dijangka akan dibayar apabila liabiliti diselesaikan. Liabiliti dibentangkan sebagai tanggungan manfaat pekerja dalam penyata kedudukan kewangan.

ISN mengiktiraf liabiliti dan belanja Bantuan Khas Kewangan, berdasarkan pekeling yang dikeluarkan selepas pembentangan bajet kerajaan persekutuan jika terdapat peruntukan bagi Bantuan Khas Kewangan. ISN mengiktiraf peruntukan di mana adanya obligasi kontraktual atau jika terdapat amalan terdahulu yang telah mewujudkan suatu obligasi kontraktual.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

3 DASAR-DASAR PERAKAUNAN YANG PENTING (sambungan)

Faedah Persaraan

ISN mempunyai manfaat pekerjaan sejajar dengan keadaan dan amalan tempatan. Jenis-jenis faedah persaraan iaitu Pencen Perkhidmatan dan Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat.

Pencen Perkhidmatan adalah pelan pencen ini di mana ISN membayar caruman tetap kepada sebuah entiti iaitu Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) untuk kakitangan berstatus tetap. ISN juga membayar caruman tetap kepada sebuah entiti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) bagi kakitangan berstatus kontrak. Caruman sedemikian diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam Penyata Prestasi Kewangan seperti yang ditanggung.

Bagi pegawai-pegawai perkhidmatan awam, Peraturan-Peraturan Pencen 1980, dibaca bersama-sama Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1993, juga memperuntukkan pembayaran Wang Tunai Sebagai Gantian Cuti Rehat (GCR), iaitu bagi cuti rehat yang tidak dihabiskan kerana kepentingan perkhidmatan dan terkumpul mengikut syarat-syarat pengumpulan di bawah peraturan pencen dan pekeling yang berkenaan.

j. Pendedahan Pihak Berkaitan

MPSAS 20 Pendedahan Pihak Berkaitan menyatakan ganjaran bagi personel pengurusan utama dan amaun bagi ganjaran serta pampasan lain yang diterima hendaklah didedahkan di dalam nota kepada penyata kewangan.

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti Institut sama ada secara langsung atau tidak langsung. Pembayaran untuk kakitangan penting pihak pengurusan adalah seperti berikut:

	2019	2018
Jumlah Ganjaran	284,482	410,449
Jumlah kakitangan penting pihak pengurusan	16 Orang	12 Orang

4 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada:-

	2019 RM	2018 RM
Tunai Di Tangan	2,370	4,232
Tunai Di Bank	3,526,742	11,677,778
Simpanan Tetap	10,000,000	-
Jumlah	13,529,112	11,682,010

Tunai di bank mendapat faedah pada kadar terapung berdasarkan kadar harian deposit bank.

Simpanan Tetap dibuat untuk tempoh yang singkat, bergantung kepada keperluan tunai segera ISN. Purata wajaran kadar faedah pada 31 Disember 2019 adalah 3.50% (2018: 3.13%).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

5 AKAUN BELUM TERIMA

Akaun Belum Terima terdiri daripada:-

	2019 RM	2018 RM
Pendahuluan Diri Pekerja	1,530	4 39,577
Pendahuluan Pelbagai Pekerja	533,851	938,889
Faedah Terakru Simpanan Tetap	54,658	-
Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST)	-	3,658,539
Deposit	-	8,000
Penghutang dan Bayaran Terdahulu	9,257,771	322,515
Jumlah	9,847,810	4,967,520

Pendahuluan Diri Pekerja adalah sejumlah wang yang dibayar kepada individu perseorangan bagi tujuan melaksanakan tugas rasmi diluar pejabat manakala Pendahuluan Pelbagai adalah sejumlah wang yang dibayar kepada individu bagi tujuan melaksanakan program berkelompok sama ada dalam dan luar negara.

Deposit adalah sejumlah wang yang dibayar kepada organisasi luar bagi tujuan penyewaan premis pejabat pusat satelit ISN.

Penghutang adalah organisasi luar yang menerima perkhidmatan daripada ISN dan tiada kadar faedah dikenakan untuk penghutang.

Bayaran terdahulu adalah pendahuluan bayaran yang dibuat oleh ISN kepada organisasi yang memberi perkhidmatan kepada ISN bagi tempoh yang melebihi tahun semasa. Termasuk juga di dalam bayaran terdahulu adalah bayaran bagi perkhidmatan perubatan kepada atlet Akademi Mokhtar Dahari (AMD) di mana tuntutan semula akan dibuat secara sukuan tahun kepada Majlis Sukan Negara (MSN).

Peruntukan hutang ragu ditolak daripada pendahuluan diri kakitangan yang tidak dapat dikenal pasti seperti berikut:

	2019 RM	2018 RM
Pendahuluan Diri Pekerja	1,530	81,773
Tolak : Peruntukan Hutang Ragu	-	(42,196)
Jumlah Pada Akhir Tahun	1,530	39,577

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

6 PENGHUTANG PINJAMAN PEKERJA

Pembiayaan Komputer adalah tidak bercagar dan risiko kredit ke atas pinjaman adalah kecil, amaun yang tertunggak boleh dibayar balik secara bulanan melalui potongan gaji. Penjelasan terkumpul penghutang pinjaman pekerja adalah seperti berikut:

	2019 RM	2018 RM
Baki pada 1 Januari	16,086	4,361
Tambah Pinjaman Komputer Tahun Semasa	-	15,000
Tolak Bayaran Pinjaman Komputer Tahun Semasa	(5,179)	(3,275)
Jumlah	10,907	16,086
Pinjaman yang perlu dibayar selepas 12 bulan	5,728	10,907
Pinjaman yang perlu dibayar dlm masa 12 bulan	5,179	5,179
	10,907	16,086

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

7 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	Komputer RM	Lekapan & Lengkapan RM	Alatan Pejabat RM
KOS			
Pada 1 Januari 2019	3,508,564	4,781,514	529,789
Tambahan	-	93,580	21,100
Pelupusan	(13,479)	(29,888)	(66,889)
Pelarasan	-	53,424	96,534
Pada 31 Disember 2019	3,495,085	4,898,630	580,534
SUSUT NILAI TERKUMPUL			
Pada 1 Januari 2019	2,382,550	2,006,539	400,480
Tambahan	611,327	861,418	55,272
Pelupusan	(13,479)	(26,927)	(66,889)
Pelarasan	(2)	(93,719)	96,533
Pada 31 Disember 2019	2,980,396	2,747,311	485,396
NILAI BUKU BERSIH			
Pada 31 Disember 2019	514,689	2,151,319	95,138
KOS			
Pada 1 Januari 2018	3,250,375	4,346,094	464,860
Tambahan	263,933	435,420	64,929
Pelupusan	(5,744)	-	-
Pelarasan	-	-	-
Pada 31 Disember 2018	3,508,564	4,781,514	529,789
SUSUT NILAI TERKUMPUL			
Pada 1 Januari 2018	2,209,935	1,192,144	417,180
Tambahan	393,894	818,443	26,492
Pelupusan	(3,972)	-	-
Pelarasan	(217,307)	(4,048)	(43,192)
Pada 31 Disember 2018	2,382,550	2,006,539	400,480
NILAI BUKU BERSIH			
Pada 31 Disember 2018	1,126,014	2,774,975	129,309

Alatan Perubatan RM	Alatan & Peralatan RM	Alatan Sukan RM	Kenderaan & Jentera Berat RM	Ubahsuai RM	Jumlah RM
9,112,897	25,012,768	7,341,716	3,780,139	4,969,426	59,036,813
19,900	37,158	-	-	-	171,738
-	(4,500)	(328,259)	(542,897)	-	(985,912)
-	(21,751)	4,293	323,874	3,303,737	3,760,111
9,132,797	25,023,675	7,017,750	3,561,116	8,273,163	61,982,750
4,077,276	11,629,034	4,353,258	2,985,167	1,576,541	29,410,845
1,673,482	4,720,075	1,157,373	368,359	1,016,466	10,463,772
-	(3,600)	(328,259)	(542,895)	-	(982,049)
-	(6,717)	4,292	(7,500)	(12,123)	(19,236)
5,750,758	16,338,792	5,186,664	2,803,131	2,580,884	38,873,332
3,382,039	8,684,883	1,831,086	757,985	5,692,279	23,109,418
8,864,397	22,851,517	6,886,475	3,780,139	4,269,265	54,713,122
241,000	2,161,251	393,222	-	674,361	4,234,116
-	-	-	-	-	(5,744)
7,500	-	62,019	-	25,800	95,319
9,112,897	25,012,768	7,341,716	3,780,139	4,969,426	59,036,813
2,344,303	6,864,061	3,187,264	2,372,616	693,431	19,280,934
1,760,114	4,785,269	1,178,772	613,711	917,034	10,493,729
-	-	-	-	-	(3,972)
(27,141)	(20,296)	(12,778)	(1,160)	(33,924)	(359,846)
4,077,276	11,629,034	4,353,258	2,985,167	1,576,541	29,410,845
5,035,621	13,383,734	2,988,458	794,972	3,392,885	29,625,968

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

8 KERJA DALAM KEMAJUAN

Kerja dalam kemajuan adalah kerja-kerja naik taraf yang dilaksanakan oleh ISN:

	2019 RM	2018 RM
KOS		
Pada 1 Januari	15,728,775	8,500,000
Tambahan	4,750,000	7,228,775
Pelarasan	(3,861,106)	-
Pada 31 Disember	16,617,669	15,728,775

9 ASET TAK KETARA

Aset Tak Ketara terdiri adalah pembelian perisian komputer termasuk kos-kos yang terlibat dalam menaik taraf perisian tersebut bagi mematuhi kriteria Sistem Perakaunan Standard Bagi Agensi Kerajaan (SAGA) seperti sistem perakaunan, sistem gaji, sistem pengurusan aset dan lain-lain sistem di ISN:

	2019 RM	2018 RM
KOS		
Pada 1 Januari	5,733,304	5,287,254
Tambahan	-	571,050
Pelarasan	-	(125,000)
Pada 31 Disember	5,733,304	5,733,304
SUSUT NILAI TERKUMPUL		
Pada 1 Januari	3,337,243	2,726,630
Tambahan	1,058,905	868,805
Pelarasan	(1)	(258,192)
Pada 31 Disember	4,396,147	3,337,243
NILAI BUKU BERSIH		
Pada 31 Disember	1,337,157	2,396,061

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

10 PELBAGAI PEMIUTANG DAN PERBELANJAAN TERAKRU

Pemiutang jangka pendek adalah tidak dikenakan faedah dan jangka purata satu bulan. Pelbagai pemiutang dan perbelanjaan terakru terdiri daripada:

	2019 RM	2018 RM
Pemiutang	2,890,546	8,291,397
Perbelanjaan Terakru	4,950,766	7,467,719
Peruntukan Yuran Audit	39,962	34,291
Hasil Terdahulu	58,333	58,333
Deposit Rawatan PPSN (GL)	10,000	-
Wang Tahanan	24,673	-
GST - Output	-	13,353
Jumlah	7,974,280	15,865,093

11 PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

	2019 RM	2018 RM
Baki pada 1 Januari	667,069	840,656
Tambah		
Peruntukan Tahun Semasa	434,430	568,158
Tolak		
Bayaran GCR Tahun Semasa	(54,199)	(198,472)
Bayaran Imbuan dan Bantuan Tahun Semasa	(541,841)	(543,273)
Pelarasan	(71,029)	-
Jumlah	434,430	667,069
Ganjaran yang perlu dibayar selepas 12 bulan	268,689	-
Ganjaran yang perlu dibayar dalam masa 12 bulan	165,741	667,069
	434,430	667,069

Peruntukan manfaat kakitangan adalah anugerah wang tunai sebagai ganti cuti rehat terkumpul. Hadiah wang tunai ini diberikan kepada pekerja yang tidak dapat menggunakan semua cuti mereka sehingga maksimum 150 hari disebabkan kepentingan perkhidmatan. Anugerah wang tunai dibayar pada hari terakhir bekerja selepas bersara dan ia dikira berdasarkan gaji kakitangan pada tarikh penyata kedudukan kewangan. Pengiraan jumlah terkumpul gantian cuti rehat ini adalah bagi 127 orang kakitangan berstatus tetap dari tarikh mula dilantik sehingga Disember 2019.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

12 PERUNTUKAN GERAN

Peruntukan geran terdiri daripada:

	2019 RM	2018 RM
a) Geran Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara		
Baki pada 1 Januari	(27,452,880)	(16,136,285)
Tambah		
Terimaan geran dari Kerajaan Malaysia	1,040,000	10,000,000
Tolak		
Perbelanjaan bagi tahun semasa	(1,040,000)	(21,026,693)
Pelarasan	(597,147)	(289,902)
Baki pada 31 Disember	(28,050,027)	(27,452,880)
b) Geran Pembangunan Adamas		
Baki pada 1 Januari	(577,406)	(744,398)
Tambah		
Terimaan geran dari Kerajaan Malaysia	-	460,308
Tolak		
Perbelanjaan bagi tahun semasa	-	(293,316)
Pelarasan	(9,265)	
Baki pada 31 Disember	(586,671)	(577,406)
(c) Geran Pembangunan Podium		
Baki pada 1 Januari	21,038,488	24,997,206
Tambah		
Terimaan geran dari Kerajaan Malaysia	-	50,473,000
Pelarasan	806,416	-
Tolak		
Perbelanjaan bagi tahun semasa	(1,618,571)	(52,293,064)
Pelarasan	-	(2,138,654)
Baki pada 31 Disember	20,226,333	21,038,488
d) Geran Pembangunan ISN		
Baki pada 1 Januari	4,510,288	56,619,123
Tambah		
Terimaan geran dari Kerajaan Malaysia	13,740,000	3,500,000
Pelarasan	97,967	998,633
Tolak		
Perbelanjaan bagi tahun semasa	(6,141,499)	(6,607,468)
Pelarasan	(1,967,914)	-
Baki pada 31 Disember	60,238,842	54,510,288

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

12 PERUNTUKAN GERAN (sambungan)

	2019 RM	2018 RM
(e) Geran MyTID		
Baki pada 1 Januari	2,982,079	3,697,303
Tambah		
Terimaan Tahun Semasa	-	-
Tolak		
Perbelanjaan bagi tahun semasa	(175,800)	(644,869)
Pelarasan	(161,811)	(70,355)
Baki pada 31 Disember	2,644,468	2,982,079
(f) Geran PFI 2		
Baki pada 1 Januari	2,967,364	4,006,806
Tambah		
Pelarasan	3	24,688
Tolak		
Perbelanjaan bagi tahun semasa	(964,425)	(1,064,130)
Pelarasan	(267,072)	-
Baki pada 31 Disember	1,735,870	2,967,364
JUMLAH PERUNTUKAN GERAN	56,208,815	53,467,933

13 PENDAPATAN TERTUNDA

Pendapatan tertunda adalah seperti berikut:

	2019 RM	2018 RM
Baki pada 1 Januari	126,967	170,698
Tambah		
Sumbangan yang diterima	-	-
Tolak		
Sumbangan yang dilunaskan	(43,731)	(43,731)
Baki pada 31 Disember	83,236	126,967

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

14 URUS NIAGA PERTUKARAN

Urus Niaga Pertukaran terdiri daripada:

	2019 RM	2018 RM
Hasil Sewaan Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan	7,213 73,834	500 104,727
Jumlah	81,047	105,227

15 URUS NIAGA BUKAN PERTUKARAN

Urus Niaga Bukan Pertukaran terdiri daripada:

	2019 RM	2018 RM
Bantuan Kerajaan Geran Mengurus	20,759,303	20,400,000
Pelunasan Geran Kumpulan Wang Amanah Sukan Negara	1,040,000	21,026,693
Pelunasan Geran Pembangunan Adamas	-	293,316
Pelunasan Geran Pembangunan ISN	6,141,499	6,607,468
Pelunasan Geran Pembangunan Podium	1,618,571	52,293,064
Pelunasan Geran MyTID	175,800	644,869
Pelunasan Geran PFI 2	964,425	1,064,130
Pelunasan Harta Modal Pemberian Syarikat Tempatan	43,731	43,731
Jumlah	30,743,329	102,373,271

16 PENDAPATAN LAIN

Pendapatan lain terdiri daripada:

	2019 RM	2018 RM
Lain-lain Pendapatan	240,242	71,723
Lain-lain Perkhidmatan	19,309,041	340,802
Sumbangan	4,264,428	614,450
Pulangan Balik Perbelanjaan	169,525	124,472
Jumlah	23,983,236	1,151,447

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

17 EMOLUMEN

Emolumen terdiri daripada:

	2019 RM	2018 RM
Gaji, Elaun, KWAP dan Kos Kakitangan	16,870,397	43,864,599
Upah	1,153,534	898,973
KWSP dan Perkeso	1,140,864	2,373,175
Elaun Lebih Masa	253,619	375,743
Jumlah	19,418,414	47,512,490

Jumlah kakitangan pada akhir tahun adalah 285 (2018 : 434).

18 CUKAI PENDAPATAN

Tiada peruntukan cukai pendapatan dibuat pada tahun semasa. Walau bagaimanapun, ISN telah berbincang dengan pihak Kementerian Kewangan berkenaan pendapatan-pendapatan yang dikecualikan daripada membayar cukai. Status terkini, ISN sedang dalam proses untuk mendapatkan kelulusan Lembaga Institut untuk melantik Ejen Cukai.

19 CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (GST)

Perlaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 1 April 2015. ISN merupakan badan berkanun yang berdaftar dengan GST dan tertakluk dengan akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Implikasi GST terhadap ISN adalah seperti berikut:

i) Cukai output

Setiap perkhidmatan yang diberikan oleh ISN adalah tertakluk kepada GST berkadar standard (6%). Antara perkhidmatan yang disediakan oleh ISN adalah seperti penyewaan venue bagi pengajuran acara sukan dan bukan sukan dan jualan dokumen tender. ISN perlu membayar cukai output (6%) bagi setiap jualan yang dibuat.

ii) Cukai input

ISN menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi bekalan/perkhidmatan berkadar standard (6%). ISN boleh menuntut cukai input bagi perolehan bekalan/perkhidmatan berkadar standard (6%).

20 ANGKA-ANGKA BANDINGAN

Sebahagian daripada angka-angka bandingan telah diklasifikasikan semula kerana mengambilkira pemakaian awal MPSAS.






21 NOTA BAGI PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR

Bajet Institut telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019. Bajet asas telah diluluskan dalam Mesyuarat Anggota Institut Sukan Negara Bil 1/2018 pada 25 Januari 2018.

Bajet dan Penyata Kewangan Institut disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata Kewangan disediakan pada asas akrual menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai.

RAKAN STRATEGIK ISN



 etikaholdings.com
 customercareline@etikaholdings.com
 1300-30-1300
 etikagroup_my
 @etikagroupmy.careers







 yakult.com.my
 customerservice@yakult.com.my
 03 - 5569 8960 / 03 - 5567 0945
 Yakult Malaysia
 @yakultmalaysia
 @yakultmalaysia



 ufl.com.my
 ufl@ufl.com.my
 03-6275 9544
 UFL
 @uflmedia
 @uflmalaysia









 lpmsupport.com
 soo.yc@sjcsolex.com.my
 03-6275 2828
 lpmsupportcorp
 @lpmsupport








 www.datasukan.com
 info@datasukan.com
 03-5567 0103
 Data Sukan
 @Data_Sukan
 @DatasukanMY






 atfsport.com
 atfsporttaping@gmail.com
 011-6093 9447
 ATF Sport Taping
 @atfsporttaping
 @atfsporttaping




 regen.rehab
 contact@regen.rehab
 03-7626 1388
 ReGenRehab
 @regenrehab



 maksakmedicare.mscren.com.my
 03-7885 0933
 Maksak MEDIC CARE



 selcare.my
 admin@selcare.my
 1-800-22-6600
 Selcare Management Sdn Bhd

DITERBITKAN OLEH:

INSTITUT SUKAN NEGARA MALAYSIA
Kompleks Sukan Negara
57000 Bukit Jalil
Kuala Lumpur

Tel. : +03 - 8991 4400
Faks : +03 - 8996 8748

    
isnmalaysia